

09/07/1997

Pertemuan khas dengan menteri

JAWATANKUASA Permuafakatan Pendidikan Kesatuan/Persatuan Guru Malaysia (JPPKPGM) akan mengadakan perjumpaan khas dengan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi membincangkan Laporan Tan Sri Abdul Rahman Arshad, secepat mungkin.

Pengerusinya, Muhammad Mustapha, berkata perjumpaan khas itu diadakan bertujuan membincangkan kandungan laporan yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Rahman Arshad sejak setahun lalu.

Menurutnya, pihak kesatuan dan persatuan guru di negara tidak puas hati dengan sikap berdiam diri kerajaan yang masih enggan mengumumkan laporan itu.

"Sebab itulah, kami membuat keputusan untuk mengadakan perjumpaan khas dengan Menteri Pendidikan supaya laporan berkenaan diumumkan segera," katanya kepada Berita Harian selepas mempengerusikan mesyuarat JPPKPGM di Kangar, Perlis, semalam.

Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Presiden Kesatuan Guru-Guru Malaysia Barat, Kassim Muhammad; Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), Abu Bakar Shawkat Ali dan Setiausaha Agung KPPF, Siva Subramaniam.

Laporan itu disediakan oleh sebuah jawatankuasa mengkaji masalah profesion perguruan dan ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan pada 1995 berikutan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya bidang perguruan diberi perhatian khusus untuk melahirkan generasi yang merealisasikan Wawasan 2020.

(END)